



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	METRO AHAD		
TARIKH	:	25/7/2021 (AHAD)	MUKA SURAT	: 13
JABATAN	:	PERHILITAN		

BERGELUT DENGAN HARIMAU BETINA

Metro Ahad, 25
Jul 2021, 13

BAGAI DIBERI NYAWA **KEDUA**

Oleh Ramli Ibrahim
am@hmetro.com.my

Gua Musang

“**S**aya sudah membayangkan mau ketika bergelut dengan seekor harimau belang pada awal bulan ini yang kini menjadi pengalaman ngeri dalam hidup.”

Begitu kata lelaki Orang Asli, Adin Andok, 48, yang parah selepas bergelut dengan harimau belang betina dalam kejadian di Kampung Badak, Pos Bihai di sini, pada 4 Julai lalu.

Adin yang kini beransur pulih daripada kecederaan mengakui usianya masih

panjang biarpun terpaksa ‘bertarung’ dengan haiwan ganas diberi nama Syamilla Bihai itu selama 10 minit.

Menurutnya, ketika bergelut, dia sempat menetak kepala harimau itu sebelum melepaskan dirinya daripada dicakar harimau terabit hingga parah di kepala, dada, mata kiri, kedua-dua lengan dan betis kiri.

“Saya terpaksa bertindak berani dengan menetak harimau berkenaan jika tidak keadaan lebih parah.

“Ketika itu, saya berada dalam kebun ubi kayu dan tidak sangka akan berdepan



ADIN kini beransur pulih daripada kecederaan yang dialami.



BAHAGIAN kepala Adin yang dijahit akibat dicakar Syamilla.

“**Saya nekad antara hidup atau mati apabila berdepan dengan kejadian itu**”
Adin

detik cemas dicakar harimau kerana tiba-tiba haiwan itu menerkam.

“Tetapi, saya nekad di antara hidup atau mati apabila berdepan dengan kejadian itu,” katanya ketika ditemui di Pusat Transit Pesakit Orang Asli di Rancangan Pengumpulan Semula (RPS) Kuala Betis di sini, semalam. Adin menerima rawatan di Hospital

Sultan Ismail Petra (HSIP) Kuala Krai selama sembilan hari sebelum dibenarkan pulang berehat di Pusat Transit RPS itu bagi menerima rawatan susulan.

Dalam kejadian jam 3 petang, Adin pergi ke kebun ubi kayunya seorang diri dan pada mulanya hanya ternampak tapak kaki besar dipercayai harimau.

Ketika meneliti tapak kaki, haiwan itu tiba-tiba muncul di depan mata dan bertindak ganas dengan terus menerkam ke arahnya dan berlaku pergelutan.

Susulan kejadian, jabatan

Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) bertindak memasang perangkap dan harimau terabit berjaya ditangkap pada 15 Julai lalu.

Menurut Adin, peristiwa itu masih segar dalam ingatannya walaupun dia dalam keadaan nyawa-nyawa ikan ketika diselamatkan penduduk kampung.

“Saya diterkam harimau dan dikejar hingga terjatuh. Ia (harimau) pijak pula dengan kaki kiri, lepas itu kita punya dada dicengkam kuku hingga sukar bergerak.”

“Ketika itu, saya tahan

dengan tangan kiri sementara ambil golok di pinggang untuk lawan harimau itu. Lepas itu saya terjatuh sebab dia cakar terlalu kuat,” katanya.

Katanya, dia bagai diberi nyawa kedua selepas terselamat daripada ajal selepas berdepan haiwan ganas itu yang pertama kali dihadapinya.

“Saya masih bersemangat pulang ke kampung dan meneruskan aktiviti berkebun yang menjadi punca ekonomi bagi menyara hidup keluarga,” katanya.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : www.ketsa.gov.my



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia



KeTSAMalaysia